

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(81)
Tarikh : 10 April 2023

KENYATAAN MEDIA

Penang Hill Festival 2023 Meraikan Funikular Berusia Satu Abad

Acara tahunan *Penang Hill Festival* kembali tahun ini untuk edisi keempat dari 21-23 Julai 2023! Sejak dianjurkan pada tahun 2018, *Penang Hill Festival* telah bekerjasama dengan rakan niaga, komuniti Bukit Bendera, ahli akademik, artis dan peminat alam semula jadi untuk menganjurkan acara yang sesuai untuk semua generasi.

Festival selama tiga hari itu bertujuan untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran tentang alam semula jadi, sejarah dan warisan budaya Bukit Bendera. Tambahan lagi, Penang Hill Festival 2023 (PHF2023) lebih bermakna kerana disambut sempena meraikan ulang tahun ke-100 Funikular Bukit Bendera yang mula beroperasi pada tahun 1923.

“Saya berbesar hati mengumumkan bahawa Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) akan menganjurkan acara yang popular iaitu, *Penang Hill Festival* pada tahun ini. Festival tahunan ini menawarkan kepada pengunjung dan penduduk tempatan gambaran tentang keunikan Bukit Bendera daripada landasan kereta apinya yang berusia satu abad, kepada kepelbagaiannya biodiversiti yang kaya dengan kehijauan serta telah diisytiharkan sebagai tapak Rizab Biosfera UNESCO pada tahun 2021,” kata YB Yeoh Soon Hin, EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE) Negeri Pulau Pinang.

“Kami berharap festival ini akan meningkatkan pendidikan dan pengetahuan tentang warisan dan biodiversiti di Pulau Pinang serta meningkatkan penghargaan terhadap ikon negara Malaysia iaitu, Bukit Bendera. Pengunjung boleh menyertai pelbagai program menarik dan menyeronokkan seperti Ceramah, Terokai Warisan dan Alam Semula Jadi, Pameran, Bengkel Fotografi & Videografi dan tidak dilupakan acara utama ***Music on the Hill - East Meets West*** pada 22 Julai 2023,” tambah YB Yeoh.

Antara aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan termasuk:-

i. Talk: Rejuvenating Penang Hill: The Journey Continues...

Ribut pada 4 November 2017 telah melanda dengan mengakibatkan lebih 300 tanah runtuh di Bukit Bendera. Batu-batu besar, pokok tumbang, dan serpihan tanah runtuh terdapat di mana-mana sehingga menghalang jalan masuk. Perkhidmatan funikular juga terganggu ketika itu.

Apakah langkah yang telah diambil untuk membaik pulih kesan dari tanah runtuh? Apakah cabaran yang dihadapi? Ketahui tentang perkara ini pada slot sesi ceramah – “Rejuvenating Penang Hill: The Journey Continues...” oleh Lngeshwary A/P Bhaskaran dan Muhamad Sahrizan bin Sepiai, dari Bahagian Perancangan Projek dan Pembangunan, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang, Ir. Yau Ann Nian, Pengarah Eksekutif WEA Engineers &

Associates Sdn. Bhd, Allen Tan, Pengarah Urusan The Habitat Bukit Bendera, dan KP Ong –pengasas NatureWalks@Penang Hill.

ii. Talk: Penang Hill & Its Vicinity: 100 Years of Wonders

Sempena meraikan ulang tahun ke-100 Funikular Bukit Bendera tahun ini, pelajari tentang pelbagai keajaiban di dalam dan sekitar Bukit Bendera daripada penceramah melalui sesi ceramah – “Penang Hill & Its Vicinity: 100 Years of Wonders”.

Mari sertai Enzo Sim – pengarang “*The Great Hill: A Short History of Penang Hill*”, Clement Liang – penyelidik sejarah yang aktif dalam mempromosikan pemuliharaan dan pelancongan warisan, dan Dr. Tan Chee Seng – Pensyarah Kanan, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), kerana pakar-pakar ini akan berkongsi evolusi sejarah Bukit Bendera, transformasi Air Itam/Air Putih, dan elemen pendidikan merentasi abad sejak awal abad ke-19, untuk menemui perintis pendidikan di Malaysia di sekitar Bukit Bendera.

iii. Talk & Walk: Crag Heritage Trail

Mengimbau kembali dan merasai pengalaman lampau Bukit Bendera yang meriah dengan lawatan ke The Crag, mercu tanda bersejarah di Bukit Bendera yang telah bertahan selama ini. Dibina pada pertengahan abad ke-19, The Crag telah digunakan untuk pelbagai tujuan, daripada sanitarium ke hotel dan sekolah berasrama penuh. Bangunan ikonik ini pernah menjadi tapak penggambaran filem “Indochine” pada tahun 1992 dan siri TV British, “Indian Summers”, pada tahun 2014.

Berjalan sepanjang 3 km di sepanjang Laluan Warisan Crag sambil menikmati sejarah Bukit Bendera. Jika anda merupakan salah seorang alumni Uplands, anda pasti berminat untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan alma mater anda dan mengimbau kembali beberapa kenangan terindah anda!

iv. Night Exploration

Peluang yang jarang berlaku untuk melihat keajaiban malam di hutan hujan Bukit Bendera! Dalam kegelapan, dikelilingi oleh bunyi hutan, anda akan memasuki dunia yang didiami oleh pelbagai haiwan malam. Terdapat banyak haiwan, terutamanya serangga, amfibia, dan reptilia yang bersembunyi daripada pemangsa pada waktu siang. Ini bermakna malam adalah masa terbaik untuk mencari katak, ular, dan hidupan hutan hujan lain yang hanya keluar apabila waktu malam. Anda tidak akan tahu haiwan ajaib apa yang akan anda temui!

v. Junior Rainforest Exploration

Bawa anak kecil anda ke alam semula jadi! Dedahkan mereka kepada pelbagai jenis tumbuhan dan pokok di hutan hujan, bersama-sama dengan jurupandu yang berpengalaman dan mesra yang akan memberikan penjelasan secara menyeluruh. Senaskah buku “*Penang Hill Nature Trail Companion*” akan menjadi milik anda untuk dibawa pulang bagi menjadikannya pengalaman yang akan lebih diingati.

Seterusnya, kenalkan mereka dengan haiwan ikonik dan comel di Bukit Bendera, *dusky leaf monkey* dengan aktiviti menarik dan interaktif yang dikendalikan oleh Langur Project Penang (LPP).

Sebagai penutup, kanak-kanak akan merasai pengalaman berkebun dan menanam pokok dengan menggunakan bahan kitar semula di tapak semaian tumbuhan. Ini adalah peluang terbaik untuk mengajar mereka tentang kepentingan kelestarian dan menjaga alam sekitar. Kanak-kanak berumur lima hingga 15 tahun dialu-alukan untuk menyertai kami!

vi. Penang Hill Photo Exhibition

Sempena meraikan ulang tahun ke-100 Funikular Bukit Bendera, lawati “*Penang Hill Photo Exhibition*” - pameran yang membolehkan anda menyelami lebih dalam mengenai Bukit Bendera

Gambar-gambar acara utama Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP), iaitu *Penang Hill Festival*, *Penang Hill Heritage Forest Challenge* dan *Trash Free Hill* akan dipamerkan. Ketahui usaha yang telah dilakukan oleh PBBPP selama ini dalam mengurus, menyelenggara dan melindungi bukit yang mengagumkan ini serta 100 tahun transformasi Bukit Bendera dan sekitarnya.

Tandakan kalendar anda untuk pameran ini, hanya di Penang Hill Festival 2023.

vii. Sunrise & Time-Lapse Photography Workshop

PBBPP ingin menjemput semua peminat fotografi! Pernahkah anda bermimpi untuk merakam gambar matahari terbit yang menakjubkan di Bukit Bendera? Anda tidak sepatutnya melepaskan peluang ini! Anda akan mempelajari teknik yang lebih baik bagi mengambil gambar matahari terbit dan pulang ke rumah dengan beberapa ilmu yang berguna di bawah bimbingan jurugambar profesional dari Canon Malaysia.

Selain itu, anda akan mempelajari cara mengambil gambar *time-lapse* yang menakjubkan, menjadikan satu siri imej yang “hidup”. Percaya atau tidak, sesiapa sahaja boleh melakukannya!

viii. Music on the Hill – East meets West

Acara utama *Penang Hill Festival*, “*Music on the Hill - East meets West*” kembali semula di atas permintaan ramai! Terpesona dengan persembahan orkestra simfoni yang mengasyikkan oleh Musica Sinfonietta Penang, sebuah orkestra tempatan terkemuka yang terdiri daripada pemuzik muda dan profesional tempatan berbakat yang dikendalikan oleh konduktor, Lo Mei Yoke.

Sebagai pelengkap, kumpulan Omara boria dari Pulau Pinang akan mempersembahkan persembahan boria yang rancak, merupakan seni tradisional yang unik di Pulau Pinang. Persembahan itu tidak terhenti di sini - saksikan persembahan sitar dan tabla klasik oleh pemuzik berbakat Pravin dan Kumaran, yang akan membawa penonton merasai pengalaman yang tidak dapat dilupakan.

Persembahan orkestra Cina yang memberi mempersonakan dengan lagu-lagu eklektik oleh The Joyous Chinese Orchestra terdiri daripada pakar-pakar alat muzik Cina dari Pulau Pinang. Jangan lepaskan peluang mendengar muzik luar biasa ini yang akan membuatkan anda terpesona!

Banyak lagi aktiviti dan acara menarik menanti!

PBBPP ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pejabat EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE) Negeri Pulau Pinang, Penang Global Tourism, *Photographic Society of Penang*, Canon Malaysia dan rakan niaga di Bukit Bendera di atas sokongan berterusan kepada acara ini.

PBBPP juga mempelawa individu yang bersemangat dan berminat untuk menjadi **sukarelawan**. Individu yang berminat boleh dapatkan pautan pendaftaran yang akan dimuatnaik di laman media sosial rasmi PBBPP. Untuk maklumat lanjut mengenai butiran aktiviti (tertakluk kepada sebarang perubahan) dan pendaftaran aktiviti PHF2023, sila layari www.penanghill.gov.my/phf2023 atau ikuti laman Facebook rasmi PBBPP di www.facebook.com/mypenanghill. Pertanyaan juga boleh dihantar melalui e-mel ke phf2023@penanghill.gov.my.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
wmlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
lltan@penanghill.gov.my